

MTUC tolak kurang cuti umum

Bsm 24/6/07
Kerajaan perlu buat kajian ambil kira semua aspek bagi tingkat produktiviti pekerja

Oleh Abdul Razak Raaff
dan Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Persatuan mewakili pekerja, pengguna dan majikan berbeza pandangan mengenai cadangan kerajaan mengkaji semula jumlah cuti umum peringkat negeri dan pusat dalam usaha meningkatkan produktiviti negara dan sistem penyampaian kerajaan.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menolak cadangan itu dengan menyifatkan ia bukan cara terbaik untuk meningkatkan produktiviti pekerja negara.

Presidennya, Syed Shahir Syed Mohamud, berkata peningkatan produktiviti pekerja sektor awam dan swas-

ta boleh dilaksanakan menerusi pelbagai pendekatan lain bukannya dengan mengurangkan cuti umum.

"Banyak negara maju waktu kerjanya pendek, tetapi produktiviti kerjanya tetap tinggi. Sebagai contoh, di Jerman, waktu kerja kurang 48 jam, iaitu antara 35 hingga 40 jam, tetapi produktiviti mereka tinggi," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan cadangan mengurangkan cuti umum sama ada peringkat pusat atau negeri kurang wajar, sebaliknya kerajaan perlu membuat kajian yang mengambil kira semua aspek.

Kelmarin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Maximus Ongkili dilaporkan berkata kerajaan

sedang mengkaji untuk mengurangkan jumlah cuti umum bagi meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan sistem penyampaian kerajaan.

Beliau berkata, perayaan agama dan kebudayaan akan dikekalkan manakala cuti umum yang dirasakan tidak penting mungkin ditarik balik.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Shamsudin Bardan, pula berkata, cadangan mengurangkan cuti umum adalah sesuai kerana dapat menarik minat pelabur asing melabur di negara ini.

"Cadangan mengurangkan cuti umum ada munasabah kepada majikan selain memberi kelebihan kepada syarikat pelabur asing yang ber-

INFO

Jumlah cuti umum kebangsaan setahun

- Malaysia - 16 hari
- Singapura - 12 hari
- Thailand - 16 hari
- Australia - 10 hari
- Sri Lanka - 26 hari

operasi 24 jam.

"Secara purata, cuti umum kebangsaan atau negeri sewajarnya adalah antara 13 hingga 15 hari. Cuti umum Singapura ialah 12 hari setahun lebih rendah berbanding Malaysia," katanya.

Pengarah Eksekutif Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia

(Fomca), Abdul Rahman Yusof, berkata kajian semula itu sudah tentu menggembirakan majikan kerana tidak perlu lagi menutup operasi syarikat kerana cuti umum.

Namun, katanya kepentingan dan waktu rehat pekerja juga perlu diambil kira kerana ketika ini cuti umum digunakan untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan selain urusan peribadi.

"Kita akui dengan mengurangkan jumlah cuti umum dapat meningkatkan produktiviti dan meningkatkan sistem penyampaian kerajaan. Namun elemen lain perlu diambil kira termasuk pengukuhan kebudayaan dan kesenian negara yang berkait rapat dengan cuti perayaan," katanya.